

## HARTA WASIAT ORANG ISLAM: SATU ULASAN RINGKAS DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN DI MALAYSIA

\*Nor Adila Mohd Noor<sup>1</sup>, Che Zuina Ismail<sup>2</sup>, Nor Azlina Mohd Noor<sup>3</sup>,  
Siti Mashitoh Mahamood<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi Mara Cawangan Terengganu,  
Kampus Dungun, Sura Hujung,  
23000 Dungun, Terengganu.

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Undang-undang,  
Universiti Utara Malaysia,  
Sintok, Kedah

<sup>4</sup>Jabatan Syariah dan Undang-undang,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,

\*Corresponding author's email: [norad852@tganu.uitm.edu.my](mailto:norad852@tganu.uitm.edu.my)

Submission date: 24<sup>th</sup> May 2018   Accepted date: 27<sup>th</sup> June 2018   Published date: 30<sup>th</sup> August 2018

### Abstrak

Secara amnya, pentadbiran harta pusaka dan harta wasiat di Malaysia menggunakan pakai dua sistem undang-undang iaitu undang-undang Islam dan undang-undang Sivil yang mana pemakaiannya adalah bersifat selari (*parallel*). Secara teorinya, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa eksklusif mengenai Hukum Syarak dalam hal undang-undang perwarisan orang Islam, tetapi praktikalnya menunjukkan bahawa undang-undang sedia ada seolah-olah memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Sivil dan institusi-institusi lain di peringkat persekutuan. Ini kerana tiada undang-undang prosedur yang khusus untuk mentadbir harta wasiat orang Islam. Walaupun pentadbiran dan pengurusan harta wasiat berjalan seperti biasa, tetapi tidak dapat dinafikan masih wujud kelompongan undang-undang dan isu-isu tertentu yang seringkali timbul sebelum dan selepas sesuatu pentadbiran harta wasiat dilaksanakan. Justeru itu, kajian ini lebih memberi fokus kepada aspek perbincangan isu-isu yang timbul dalam perundangan harta wasiat khususnya orang Islam di Malaysia. Penulisan ini menggunakan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan data-data yang merupakan dokumen-dokumen seperti buku akademik, kertas-kertas kerja, jurnal, statut, laporan perundangan, surat pekeliling dan maklumat-maklumat daripada laman sesawang. Hasil penulisan ini menampakkan beberapa isu yang berbangkit melibatkan beberapa aspek penting dalam perundangan.

**Katakunci:** Harta wasiat orang Islam, Harta pusaka, Isu-isu perundangan, Undang-undang Islam, Undang-undang sivil

## 1.0 PENGENALAN

Terdapat pelbagai pendapat ulamak mengenai definisi wasiat. Wasiat dari segi bahasa berasal daripada perkataan ‘*wassa*’ yang bererti menjanjikan (Ibrahim Mustafa, Hamid ‘Abd. al-Qadir, Muhammad ‘Ali al-Najar, 1989) atau pemberian harta selepas mati (al-Qudamah, 1994). Dari segi istilah, wasiat adalah sebagai satu pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain sama ada benda, hutang atau manfaat untuk dimiliki oleh penerima wasiat (*musa lahu*) akan pemberian tersebut selepas mati pewasiat (*musi*) (Sayyid Sabiq, 1992). Manakala menurut pandangan ulamak mazhab Shafii pula, wasiat diistilahkan sebagai pemberian hak milik secara percuma kepada penerima oleh seseorang dengan cara *tabarru*<sup>c</sup> sama ada benda atau manfaat atau mengkhususkan wasiat itu adalah pemberian yang disandarkan selepas mati. Ini bermakna, pemberian berkenaan hanya akan berkuatkuasa setelah pemberinya telah meninggal dunia (Wahbah al-Zuhayli, 1989). Pembahagian harta pusaka orang Islam di negara ini sebenarnya dibuat berlandaskan kepada hukum syarak, iaitu Hukum Faraid walaupun undang-undang utama yang diguna pakai ialah undang-undang sivil. Ini kerana undang-undang yang ada hanyalah untuk urusan pentadbiran semata-mata seperti tatacara memohon pembahagian, memproses permohonan, pembahagian bidang kuasa dan sebagainya. Pada peringkat penentuan waris, kadar bahagian masing-masing dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembahagian, semuanya tertakluk kepada hukum syarak. Contohnya peruntukan yang terdapat dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian ) 1955 (Akta 98), seksyen 12(7) ada memperuntukkan bahawa pembahagian harta pusaka si mati hendaklah mengikut undang-undang terpakai kepadanya. Ini bermakna bagi orang Islam, pembahagian hartanya hendaklah mengikut Hukum Faraid. Di samping itu, sekiranya terdapat apa-apa persoalan berkaitan dengan hukum Syarak, termasuk Hukum Faraid atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya seperti penentuan nasab, sah taraf anak, pengesahan wasiat, hibah dan sebagainya, pegawai yang membicarakan harta pusaka tersebut bolehlah merujuk kepada pihak berkuasa agama di negeri masing-masing.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Setakat ini hanya terdapat empat buah negeri yang telah meluluskan wasiat Islam secara bertulis, iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4, tahun 1999), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5, tahun 2004), dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Kelantan) 2009. Di Wilayah Persekutuan terdapat rang undang-undang Wasiat Orang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2001, tetapi rang undang-undang ini masih belum diluluskan oleh Parlimen. Justeru itu, undang-undang ini sepatutnya dicontohi oleh negeri-negeri lain di Malaysia (Mohd Ridzuan Awang, 2008; Syeikh Ghazali, 2009; Ismail, 2009; Nor Adila Mohd Noor & Siti Mashitoh Mahamood, 2017; Asjad Mohamed, Mohd Kamal Azman Jusoh, Norhapizah Mohd Burhan, dan Mohd Daud Awang, 2017). Namun, wujud juga masalah berbangkit kesan daripada pemakaian enakmen tersebut iaitu beberapa peruntukan di dalamnya tidak terdapat di dalam hukum wasiat mengikut Mazhab Syafie yang diamalkan di negeri-negeri yang tidak mempunyai enakmen tersebut. Akibatnya sijil faraid yang dikeluarkan oleh negeri yang mempunyai enakmen wasiat tidak boleh dilaksanakan di negeri yang tidak mempunyai enakmen tersebut (Wan Abdul Halim Wan Harun, 2008).

### 2.1 Pentadbiran harta pusaka di Malaysia

Secara umumnya, urusan pentadbiran harta pusaka di Malaysia sama ada ianya terdiri daripada harta pusaka yang tidak berwasiat, harta pusaka yang berwasiat mahupun harta pusaka separuh berwasiat telah diletakkan di bawah tanggungjawab empat buah institusi yang telah diiktiraf oleh kerajaan dan sah di sisi undang-undang di Malaysia. Institusi-institusi yang dimaksudkan sedemikian ialah terdiri daripada Mahkamah Tinggi Sivil, Mahkamah Tinggi Syariah, Amanah Raya Berhad, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG), seksyen pembahagian harta pusaka dan institusi yang berbentuk institusi kewangan yang mana si

mati mempunyai akaun simpanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Syarikat Insurans, Lembaga Urusan Tabung Haji dan sebagainya. Bidang kuasa Mahkamah Syariah hanyalah terhad kepada penentuan waris yang terlibat dan juga bahagian pusaka atau wasiat yang layak diterima sahaja sebagaimana yang telah dinyatakan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah perkara 74(2).

Justeru itu, setiap negeri diberi kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan dengan harta perwarisan ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah di setiap negeri. Antara contoh rujukan undang-undang negeri boleh dirujuk kepada Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta505).

Dengan adanya peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan serta Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak inilah, maka Enakmen wasiat telah digubal bagi membolehkan rujukan dibuat berkaitan hukum berwasiat. Bagaimana pun hanya tiga buah negeri sahaja yang menggubal enakmen tersebut iaitu negeri Selangor (Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 – Enakmen No. 4 tahun 1999), negeri Melaka (Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005 – Enakmen 4 tahun 2005) dan Negeri Sembilan (Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 – Enakmen 5 tahun 2004. Manakala, bidang kuasa pentadbiran harta pusaka ini pula diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 1, Senarai Persekutuan di bawah Perkara 4 (e) (i).

## **2.2 Undang-undang pentadbiran harta pusaka di Malaysia**

Bidang kuasa eksklusif Mahkamah Tinggi yang dimaksudkan dalam konteks pengurusan dan pentadbiran harta pusaka ialah kuasa pemberian Surat Kuasa Wasiat atau Surat Kuasa Pentadbiran di samping memutuskan rayuan yang dirujuk kepadanya apabila mana-mana pihak tidak berpuas hati dengan perintah pembahagian atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah. Di peringkat negeri atau daerah, institusi yang terlibat dikenali sebagai Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG), Seksyen Pembahagian Pusaka yang mengendalikan harta simati yang meninggalkan harta tak alih (tanah) sahaja atau harta tak alih beserta dengan harta alih seperti duit simpanan di bank dan sebagainya dan nilainya tidak melebihi RM 2 000,000 dan tidak berwasiat mengikut Akta Wasiat 1959. Undang-undang yang berkuat kuasa ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98). Amanah Raya Berhad pula berperanan menguruskan harta simati yang hanya meninggalkan harta alih sahaja dan nilainya tidak melebihi RM 600,000 berpandukan kepada seksyen 17(1), Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532). Bagi harta simati yang melebihi RM 2 000,000 pula sama ada harta alih sahaja atau kombinasi harta alih atau tak alih, perlu membuat tuntutan pembahagian harta di Mahkamah Tinggi Sivil bagi mendapatkan Geran Mentadbir harta. Tetapi, berbeza dengan harta simati Muslim yang mempunyai wasiat. Bagi harta simati Muslim yang ada wasiat, pewaris perlu membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Sivil terlebih dahulu dan bukannya di Mahkamah Syariah bagi mendapatkan Geran Probet walaupun nilai harta di bawah RM 2 000,000. Sekiranya ada kombinasi harta tak alih, selepas Mahkamah Tinggi Sivil mengeluarkan Geran Probet, pewaris perlu membahagikan harta tak alih ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG), Seksyen Pembahagian Pusaka untuk tujuan penukaran nama atas geran tanah. Sehubungan dengan ini, terdapat satu kes rujukan iaitu kes rayuan Jumaaton & Raja Delila v. Raja Hizaruddin (1998) 6 MLJ 556 yang mana Pengerusi Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, telah memutuskan bahawasanya Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa untuk menentukan waris yang terlibat berserta bahagian masing-masing dan Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa mengenai probet dan pentadbiran pusaka kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil.

Justeru itu, tindakan dan prosiding akan di bawa ke Mahkamah Tinggi Sivil untuk memutuskan keseluruhan prosiding dan tuntutan berkenaan harta berwasiat sekalipun melibatkan wasiat bagi orang-orang Islam. Ini

kerana ia di bawah kuasa Akta Persekutuan iaitu Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Walau bagaimanapun hakim-hakim di Mahkamah Sivil masih perlu merujuk undang-undang Islam terlebih dahulu sekiranya kes tersebut melibatkan pihak yang beragama Islam terutama sekali dalam pengesahan wasiat orang Islam. Namun, kadang-kadang wujud kelompongan undang-undang bertulis yang memihak kepada orang Islam. Natijahnya, undang-undang Sivil juga terpakai walaupun melibatkan kes perwarisan Islam. Rujukan boleh dibuat kepada kes *Mohd Hanif bin Farikullah v Bushra Chaudry & Another Appeal* [2001] 5 MLJ 533, [2001] 2 CLJ 397. Ahmad Ibrahim, (1997). Walaupun enakmen wasiat di sebahagian negeri di Malaysia telah digubal, tetapi ia hanya bersifat undang-undang substantif sahaja dan tidak merangkumi bidang kuasa prosedur untuk memohon Surat Kuasa Mentadbir wasiat orang-orang Islam. Ini kerana, bidang kuasa tersebut telah diberikan kepada Mahkamah Tinggi Sivil melalui peruntukan di dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang secara jelas memberi bidang kuasa yang eksklusif kepada Mahkamah Tinggi Sivil sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 24 (f) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91). Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97] dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] telah menjelaskan bahawa sebarang harta si mati yang ditinggalkan melalui wasiat adalah terletak di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Tinggi Sivil. Begitu juga pentadbiran harta pusaka si mati yang sebahagiannya berwasiat dan sebahagian yang lain pula tidak berwasiat, turut termasuk di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil.

### **2.3 Isu perundangan dalam pentadbiran harta Wasiat**

Walaupun telah terdapat undang-undang bertulis yang menjelaskan tentang pentadbiran dan pengurusan harta wasiat di Malaysia, namun sebenarnya masih wujud satu kepincangan dan kelompongan yang besar dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam. Kebanyakan masalah yang timbul adalah melibatkan aspek perundangan dan pentadbiran. Ada yang berpendapat bahawa bidang kuasa antara Mahkamah Tinggi Sivil, pejabat Tanah, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Syariah perlu diberi lebih perhatian bagi tujuan penyelarasan undang-undang berhubung perwarisan. Oleh sebab itu, pada tahun 1988 telah diperkenalkan perkara 121 (1A) dalam Perlembagaan Persekutuan yang memisahkan campur tangan Mahkamah Sivil terhadap perbicaraan Mahkamah Syariah dan bertujuan memelihara bidang kuasa Mahkamah Syariah secara eksklusif disebabkan oleh Malaysia melaksanakan dua sistem undang-undang yang pemakaianya adalah bersifat selari (*parallel*). Md. Naziree Md. Yusof, (2008). Sepertimana yang disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai lwn Shaik Zolkaffily bin Shaik Natar & Ors*, [2003, 3MLJ 705] iaitu pendekatan yang telah dibuat oleh Hakim Abdul Kadir Sulaiman dalam kes *Md. Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* [1998, 1 AMR 1] telah memutuskan bahawa semua perkara yang terkandung dalam Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan adalah perkara-perkara yang tergolong dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Syariah berbidang kuasa tentang perwarisan tersebut.

Terdapat juga beberapa kritikan daripada pakar undang-undang Islam yang merujuk kepada peruntukan undang-undang dalam seksyen 12, Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955 [Akta 98] yang memberikan kuasa kepada Pemungut Pejabat Tanah untuk membuat penentuan berdasarkan prinsip Hukum Syarak mengenai status ahli waris, penentuan kadar bahagian yang layak diterima dan jumlah harta yang boleh dikategorikan sebagai harta pusaka adalah signifikan dan kesemuanya memerlukan analisa Hukum Syarak. Kuasa yang diperturunkan kepada Pemungut pejabat Tanah ini dilihat telah melangkaui bidang kuasa Mahkamah Syariah yang juga merupakan institusi berautoriti bagi menjalankan tiga fungsi utama ini terutama bila melibatkan kes harta pusaka dan harta wasiat orang Islam. Ini kerana bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Butiran 4(e) Senarai I, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, adalah menyentuh sudut “pentadbiran” harta pusaka sahaja, dan bukannya termasuk dalam analisis jurisprudens *fiqh al-mirath* Islam. Mohamad Nasir, (2007);

Siti Mashitoh Mahamood, (2006). Fenomena ini telah diluahkan oleh seorang tokoh undang-undang yang berpendapat bahawa hakim Mahkamah Sivil sewajarnya merujuk kepada Mufti atau keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan atau hakim Mahkamah Syariah dan mengkaji terlebih dahulu sebelum sesuatu kes orang Islam di putuskan sebagaimana mereka merujuk kepada undang-undang bertulis, *common law* dan buku-buku teks termasuk keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah di Malaysia, India dan Pakistan” (Ahmad Ibrahim, 1999).

#### **2.4 Kelompangan undang-undang pentadbiran harta wasiat**

Masih terdapat beberapa kelompangan dalam undang-undang pentadbiran Harta Wasiat Orang Islam. Antaranya ialah peruntukan dalam undang-undang wasiat wajibah yang dilaksanakan di negara-negara Islam termasuk negeri Selangor, Melaka dan negeri Sembilan yang hanya mengehadkan wasiat tersebut kepada cucu sahaja dan tidak memasukkan ahli-ahli keluarga yang bukan waris sebagai orang yang berhak menerima wasiat wajibah. Ini kerana tidak semua cucu yang yatim akibat kematian bapa atau ibu mereka itu melarat dan tidak mendapat pembelaan daripada keluarga bapa atau ibu mereka, sehingga perlu kepada undang-undang yang mewajibkan wasiat kepada mereka sahaja. Perkara ini menimbulkan persoalan kerana tidak terdapat asas daripada jurisprudens Islam berhubung dengan penetapan tersebut. Justeru itu, kajian mengenai wasiat masih perlu dibincangkan dan didekahkan dalam masyarakat Islam supaya masalah yang dihadapi dalam pengurusan harta wasiat dapat dijelaskan secara komprehensif (Mohd Zamro Muda & Mohd Syukri Jusoh, 2008). Selain daripada itu, timbul juga pertikaian yang melibatkan pengesahan wasiat di Mahkamah Tinggi Syariah. Konsekuhan daripada ketiadaan undang-undang yang mewajibkan pembuat wasiat membuat wasiat secara bertulis, maka wujud banyak kes pertikaian di mana pembuktian adalah lebih sukar dikemukakan semasa tuntutan pengesahan wasiat di buat di Mahkamah Syariah yang akhirnya menyebabkan benefisiari yang layak menerima harta wasiat dinafikan oleh waris yang enggan mengesahkan wasiat yang dibuat oleh simati (Abd. Aziz Hassan, 2006). Ini boleh dirujuk dalam kes *Zainal Abidin bin Tasir* [kes Mal MT3-31-68-2004] dan kes *Fatimah Sham binti Hashim v Saad bin Salleh*. [Kes Mal Bil. 31/2000, Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar]. Kedua-dua kes tersebut melibatkan kes di mana wasiat simati dinafikan oleh pihak waris lain yang tidak setuju dengan wasiat simati sehingga kes tertangguh akibat pertikaian ahli waris dan akhirnya Mahkamah Tinggi Syariah tidak dapat mengesahkan wasiat simati tanpa saksi yang sah. Justeru itu, adalah rugi bagi masyarakat Islam sekiranya wasiat dilakukan dengan lisan kerana pertikaian pasti timbul yang akhirnya menyebabkan pihak yang berhak teraniaya (Nor Adila Mohd Noor, 2007).

Manakala dari sudut undang-undang prosedur pula, Geran Probet tidak terpakai ke atas orang Islam berdasarkan peruntukan yang telah termaktub di dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) sebagaimana berikut “Wasiat meliputi sesuatu kodisil atau lain-lain dokumen pewasiatan dan sesuatu wasiat teristimewa yang sah di bawah seksyen 26 Ordinan Wasiat 1959 [Akta Wasiat 1959] atau di bawah undang-undang bertulis yang bersamaan yang berkuatkuasa di Sabah atau Sarawak. [Seksyen 2, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) & Peraturan-peraturan]. Di bawah aturan 71 [Aturan 71, k. 11,14,15 dan 18], Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 2012 [PU(A)205/2012] terdapat beberapa peruntukan undang-undang jelas memberi tafsiran bahawa, Geran Probet hanya terpakai kepada wasiat orang bukan Islam yang tertakluk di bawah Akta Wasiat 1959 sahaja dan tidak sama sekali menjelaskan ia turut terpakai kepada wasiat orang Muslim yang tertakluk kepada Enakmen Wasiat Orang Islam di setiap negeri masing-masing (Akmal Hidayah Halim, 2012). Justeru, satu pendekatan perlu diambil bagi menyelesaikan masalah perundangan dan pentadbiran yang timbul dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam di Malaysia melalui penambalikan terhadap kelompongan mana-mana tafsiran perundangan dan pentadbiran yang sedia ada.

### 3.0 CADANGAN

Justeru, satu pendekatan perlu diambil bagi menyelesaikan masalah perundangan yang timbul dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam di Malaysia melalui penambahbaikan terhadap kelompongan perundangan sedia ada dengan cadangan penambahbaikan terhadap perundangan harta wasiat orang Islam di Malaysia.

Kekangan-kekangan daripada aspek perundangan telah menyebabkan berlaku kelewatan pembahagian harta wasiat orang Islam yang menyebabkan masalah bertimbun-timbun dari satu generasi ke generasi seterusnya setelah berlaku kematian yang berlapis. Antara intipati yang perlu dititikberatkan dalam penyediaan Akta Prosedur Pusaka dan Wasiat Orang Islam ialah:

- i. Institusi yang bertanggungjawab dalam pembahagian harta pusaka dan wasiat orang Islam serta berbidang kuasa untuk mendengar pertikaian yang berkaitan
- ii. Prosedur untuk mentadbir harta wasiat orang Islam bermula dari awal kematian sehingga selesai pembahagian harta wasiat
- iii. Status harta yang dikategorikan sebagai harta pusaka
- iv. Perlantikan wasi atau pelaksana wasiat
- v. Garis panduan bagi pentadbir dan pelaksana harta pusaka dan harta wasiat
- vi. Garis panduan mentadbir harta alih dan tak alih si mati yang berwasiat
- vii. Penalti bagi pentadbir atau pelaksana wasiat yang tidak amanah
- viii. Perlu penyeragaman undang-undang wasiat ke seluruh negeri
- ix. Mewajibkan wasiat dibuat secara bertulis bagi mengurangkan masalah pertikaian wasiat secara lisan
- x. Menetapkan undang-undang yang perlu dipakai sekiranya wujud dua undang-undang berbeza dalam menetapkan masalah yang sama.
- xi. Garis panduan pendaftaran harta dan tanggungan milik simati

### 4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dasar wasiat dalam Islam yang telah dikanunkan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam merupakan satu model yang harus dibanggakan dan diaplikasikan dengan sebaik mungkin. Penyeragaman peruntukan sebegini harus disegerakan di seluruh negeri di Malaysia bagi menjamin keseragaman undang-undang mengenai wasiat dan tiada alasan lagi untuk menjadikan undang-undang berkenaan wasiat di kalangan orang Islam terseleweng dari landasan syarak. Selain itu, kelompongan undang-undang prosedur dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam juga harus diselesaikan dengan segera supaya masalah-masalah yang seringkali dihadapi dalam pembahagian harta pusaka berwasiat orang Islam khususnya dapat diatasi dengan sebaik mungkin berdasarkan saluran yang tidak bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, semua pakar-pakar harta pusaka dan harta wasiat perlu berbincang dan cuba merangka Akta Prosedur Pusaka dan Wasiat Orang Islam ini bagi memastikan masalah-masalah yang melibatkan kekeliruan status harta pusaka si mati dan prosedur pentadbiran harta wasiat dapat di atasi. Sekiranya dua langkah ini dapat diatasi, maka ia akan memberi laluan yang lebih lancar kepada urusan pembahagian harta pusaka secara Faraidh kerana wasiat si mati telah dilaksanakan dengan sempurna. Tanpa pelaksanaan wasiat yang sempurna, harta pusaka yang selebihnya tidak boleh diFaraidhkan.

## Rujukan

- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).
- Akta Insurans 1996.
- Akta Keterangan 1950.
- Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964.
- Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532).
- Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983.
- Enakmen Undang-undang pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985.
- Enakmen Wasiat orang Islam (Selangor) 1999.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Abd Aziz Hassan & Yusmawati Yusop. (2006), "Perancangan Harta di Zar perunding Pusaka Sdn. Bhd. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia perspektif undang-undang dan pentadbiran* (hlm. 149-170). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd Aziz Hassan (2006), "Perancangan Harta di Zar perunding Pusaka Sdn. Bhd. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia perspektif undang-undang dan pentadbiran* (hlm. 149-170). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang. (2003). Amanah dan harta. *Massa*, Februari: 1-7.
- Ahmad Ibrahim, (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 269.
- Ahmad Ibrahim. (1999). Undang-undang pentadbiran harta pusaka bagi orang Islam di Malaysia. Dlm. *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, hlm. 35. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Farid Sufian Shuaib. (2008). *Powers and Jurisdiction of Syariah courts in Malaysia* (2 ed), hlm. 158-159, Selangor: Malayan Law Journal.
- Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication, h.2.
- Md Ghazali Ibrahim. (2009). *Bahagi biar adil*, (hlm. 45). Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.

- Mohamad Nasir bin Disa. (2007). Penyelarasan undang-undang perwarisan: Isu-isu dan penyelesaiannya. Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007. Kuala Lumpur, 11 Julai.
- Mohd Ridzuan Awang. (2008). Pengurusan pusaka dan wasiat orang Islam di Malaysia. Dlm. Mohd Zamro Muda et al (pnyt.), *Prosiding konvensyen kebangsaan pengurusan harta pusaka, wasiat & wakaf* (h. 20-25). Selangor: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, c. 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41.
- Mohd Zamro Muda & Mohd Syukri Jusoh. (2008). Kajian mengenai peruntukan undang-undang wasiat wajibah di Selangor. Dlm. *Islam: past, present and future*, hlm. 67. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naziree Md. Yusof. (2008). Hukum wisayah & realiti permasalahannya dalam konteks perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat, Jabatan Kehakiman Islam Malaysia*, 1, 89.
- Pawancheek Marican. (2008). *Islamic inheritance laws in Malaysia*, hlm. 213. Selangor:Malayan Law Sdn. Bhd.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2006). Bidang kuasa pentadbiran harta pusaka di Malaysia, perspektif perundangan Syariah dan Sivil. *Prosiding Seminar kebangsaan Pengurusan Harta Orang Islam*, hlm. 116. Bangi:Jabatan Syariah, Fakulti pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syiekh Ghazali Abdul Rahman. (2006) Bidang kuasa mahkamah syariah dalam pentadbiran harta amanah orang Islam. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia perspektif undang-undang dan pentadbiran* (hlm. 67-92). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tiun Ling Ta. (1995). *Panduan Asas Penyelidikan Sosioekonomi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 73.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2008). Isu-isu pembahagian harta pusaka orang Islam dalam konteks perundangan Malaysia.Konvensyen Faraid dan Hibah kebangsaan 2008. Anjuran bersama Amanah Raya Berhad dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dewan serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan Jalan Duta, Kuala Lumpur, 7 Ogos.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2008). *Pengurusan dan pembahagian harta pusaka*, hlm. 32-34, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2010). *Mengurus harta pusaka, asas pembahagian harta cara faraid*. Kuala Lumpur: Professional Publishing Sdn. Bhd.